

# Fitnah PM: Laporan polis dibuat terhadap penceramah Pas

Oleh MOHD. LAZIM ENDUT

UM 31 JUL 2002

KUALA TERENGGANU 30 Julai – Dua laporan polis dibuat hari ini berhubung kenyataan penceramah Pae, Bunyamin Yaakob yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya.

Satu laporan dibuat oleh Pergerakan UMNO Terengganu manakala satu lagi laporan oleh seorang penduduk Kampung Teliar, Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan, Kamarul Bahrin Awang, 36.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd. Najib Abd. Aziz berkata, pihaknya akan memanggil Bunyamin secepat mungkin untuk memberi keterangan berhubung tuduhannya itu.

“Siasatan kes akan dibuat mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948,” katanya ketika dihubungi di Kota Bharu.

Sementara itu ketika membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemuda UMNO negeri itu, Tengku Zainuddin Tengku Zahid berkata, ia diambil memandangkan kenyataan Bunyamin adalah satu tuduhan palsu yang keterlaluan dan berniat jahat.

■ Lihat muka 4

## Fitnah PM: Laporan polis dibuat terhadap penceramah Pas

Beliau berkata, kenyataan itu amat jelas bersifat menghasut rakyat supaya membenci pemimpin negara sehingga boleh menimbulkan kesan negatif terhadap keharmonian masyarakat di negara ini.

“Pemuda UMNO negeri berasa dukacita dan amat kesal terhadap tuduhan tersebut kerana ia merupakan suatu perbuatan biadap yang benar-benar memalukan rakyat negara ini.

“Malah, gelagat pemimpin itu ketika berucap di hadapan penyokongnya di Kota Bharu, Kelantan seperti disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) telah membawa kesan mendalam kepada masyarakat,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas kenyataan Bunyamin di Pulau Pinang semalam menyifatkan perbuatan bekas ahli Parlimen Bachok itu sebagai sungguh biadap.

Sambil melahirkan rasa kesal dengan perbuatan itu, Abdullah berkata, Pas begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk menanam kebencian rakyat kepada Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis perlu mengambil tindakan ke atas penceramah berkenaan.

Tengku Zainuddin seterusnya berkata, pihaknya turut mendesak Bunyamin agar menarik balik tuduhan tersebut serta meminta maaf secara terbuka kepada Dr. Mahathir, keluarga dan seluruh rakyat.

“Kami menyifatkan Bunyamin tidak mempunyai maruah kerana sanggup mengeluarkan kenyataan seperti itu. Ia menggambarkan sikap buruk pemimpin pembangkang yang selama ini hanya tahu mencari kesalahan Kerajaan Pusat,” ujarnya.

Di Pasir Mas, Kamarul Bahrin membuat laporan yang serupa kira-kira pukul 12 tengah hari dengan diiringi oleh lebih 30 penduduk kampung berkenaan.

Laporan itu diterima oleh pegawai penyiasat balai, Inspektor Wan Zakaria Hamzah.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Kamarul Bahrin berkata, tuduhan Bunyamin yang disiarkan oleh RTM melalui slot Berita Perdana TV1 pukul 8 malam pada 26 hingga 29 Julai, amat serius kerana ia boleh

menjejaskan imej negara. Beliau berkata, tuduhan yang menyatakan seseorang berjawatan Perdana Menteri menonton filem lucu adalah tuduhan yang amat serius dan memalukan serta boleh menjejaskan nama baik negara.

Katanya, ucapan Bunyamin dibuat tanpa sebarang bukti yang jelas dan ia bertentangan dengan ajaran Islam.

“Tuduhan ini telah menjejaskan nama baik negara dan maruah pemimpin Islam kerana orang yang dituduh adalah Perdana Menteri dan juga pemimpin Islam.

“Saya mohon pihak polis dengan segera dan tegas menyasat perkara ini serta mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan menentukan kebenaran.

“Jika didapati tuduhan yang dibuat tidak benar, tindakan tegas yang sewajarnya mengikut undang-undang negara hendaklah diambil bagi membersihkan nama baik Perdana Menteri, negara dan martabat masyarakat Islam,” tegasnya.